

Manfaat kaedah PhotoRead

LANGKAH seterusnya dalam teknik PhotoRead ialah meletakkan diri dalam keadaan yang lebih rehat dengan minda dan badan yang lebih peka dan dikenali sebagai aras sumber minda.

“Dalam keadaan ini, segala gangguan, kegusaran dan tekanan seumpama hilang. Kemudian, penglihatan diubah pada keadaan PhotoFokus di mana pandangan visual tidak tertumpu pada satu huruf, sebaliknya pada keseluruhan halaman bahan bacaan,” kata Sussanne Lee.


Langkah seterusnya ialah mewujudkan rangsangan visual secara terus kepada otak. Kemudian, individu secara mental akan merakam gambar keseluruhan halaman. Otak akan memproses input yang diterimanya.

Langkah diteruskan dengan rujukan semula yang turut melibatkan imbasan terperinci terhadap material bacaan, mencari kata kunci yang mencetus minat dan mewujudkan soalan-soalan yang memberi fokus pada jawapan yang diinginkan.

“Dengan melihat semula halaman yang dibaca, pembaca boleh mengesan bahagian, rajah, graf, jadual mahupun kata kunci yang mungkin berkaitan dengan tujuan yang telah ditetapkan,” kata Lee.

Pengaktifan bermula dengan mengetepikan bahan bacaan selama 20 minit sehingga 24 jam.

“Biarkan apa yang telah diterima ini mengikut langkah-langkah sebelumnya dan anda akan merangsang semula otak dengan soalan-soalan yang



TEKNIK membaca yang diasaskan oleh Paul R. Scheele kini dipraktikkan di 25 buah negara.

diwujudkan pada langkah sebelum itu.

“Kemudian, lihat semula bahagian teks yang anda ingin dekati atau pelajari,” ujar Lee.

Menyatakan terdapat pelbagai variasi alat pengaktifan untuk dipilih agar tujuan yang ditetapkan di peringkat awal dapat dipenuhi, Lee memberikan contoh seperti penggunaan peta minda.

“Peta minda merupakan sebuah di-

agram yang digunakan untuk mewakili huruf, idea atau pelbagai pemahaman lain yang berkait rapat sekitar satu idea atau kata kunci.

“Contohnya seperti mengambil nota mengenai kaedah PhotoReading. Daripada perkataan PhotoReading di tengah-tengahnya, akan ada lima cabang yang mewakili langkah-langkah terlibat. Kemudian, akan wujud cabang-cabang kecil untuk menjelaskan teknik berkaitan cabang utama ter-

sebut,” jelas Lee.

Tambahnya, peta minda membolehkan satu struktur visual dengan maklumat ringkas yang padat mengenai sesuatu topik dan boleh digunakan dalam pelbagai perkara termasuk pembelajaran dan penulisan.

Untuk mahir dalam kaedah PhotoReading, Lee menekankan seseorang itu perlulah mempunyai keyakinan dan kepercayaan diri untuk menerima ilmu, mengabaikan sikap yang inginkan kesempurnaan yang lebih memikirkan kegagalan dan bukan maklum balas dan pembelajaran, tidak mempercayai keupayaan intuitif dan minda separa sadar dan ketidaksabaran mengetahui sesuatu.

“Di samping itu, individu juga perlu membuang sifat kebimbangan terhadap prestasi dirinya apabila belajar dan stres untuk mempelajari sesuatu dengan pantas,” kata Lee yang menekankan individu seharusnya mengabaikan sikap-sikap negatif yang menghalang kemajuan diri.

Manfaatkah penggunaan kaedah PhotoRead ini?

“Kaedah ini, mempunyai manfaat besar termasuk meningkatkan produktiviti, keyakinan diri dan kreativiti serta pemahaman terhadap pelbagai material bacaan yang kemudiannya memberikan kesan terhadap kehidupan harian.

“Kaedah PhotoReading® tidak membuatkan anda mengabaikan kenikmatan membaca tetapi memperkayakan lagi pengalaman dan keseronokan membaca,” ujar Lee sebelum menamatkan bicara.